

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
September
2009
2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2009**

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

1 (a) Huraikan keperluan sosial menurut Abraham Maslow. [6 markah]

(b) Encik Minarwan seorang pesawah. Beliau telah mengusahakan sawahnya sejak 15 tahun yang lalu. Hasil tanamannya dijual ke kilang BERNAS yang berhampiran.
Huraikan cabang pengeluaran yang diceburi oleh Encik Minarwan. [6 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Ariani.

Puan Ariani mengusahakan perniagaan perhiasan diri secara e-dagang. Beliau menggunakan bahan seperti mutiara, kristal, manik dan *semi precious stones* yang diimport dari luar negara. Puan Ariani menjual produknya di dalam dan ke luar negara secara *on line* (talian terus).

Bagaimanakah pengangkutan dan komunikasi dapat membantu Puan Ariani menjalankan perniagaannya? [8 markah]

(d) Maklumat berikut merupakan dua contoh perniagaan borong kereta di Malaysia.

Tan Chong Motor - Kereta Nissan
Edaran Otomobil Nasional (EON) - Kereta Proton

Namakan dan jelaskan jenis pemborong tersebut. [5 markah]

2 (a) Gambar foto 1 menunjukkan satu bentuk lain peruncitan.



Gambar foto 1

(i) Namakan bentuk perniagaan runcit tersebut. [1 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan dan kekurangan bentuk perniagaan runcit di (a)(i). [6 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

(b) Jelaskan kelebihan kaedah jualan berikut:

(i) Jualan tunai

[4 markah]

(ii) Jualan prabayar

[3 markah]

(c) Dokumen 1 diterima oleh Zoom Digital Enterprise, peniaga kamera digital.

ASAL	PEMBORONG KAMERA ZASS	NO: 0345	
	NO. 234, Jalan Taming Sari		
	34600 Taiping, Perak		
	Tel: 05-8837687	Tarikh: 01.04.2009	
Kepada :			
Zoom Digital Enterprise			
18, Jalan Besar,			
34500 Batu Kurau, Perak			
NO. RUJ.	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	SERAHAN
ZD001	Camon 1203	RM 799	Segera
ZD002	Sonia 232	RM 1299	Sedia
Serahan	: Angkutan dibayar	Syarat	: 5 % 10 hari 2 % 30hari
Diskaun niaga : 20%			
Bagi akaun yang diluluskan sahaja.			
Yang benar, ZahShimah Pengurus			

Dokumen 1

(i) Namakan dokumen 1.

[1 markah]

(ii) Apakah tujuan dokumen 1 dihantar?

[2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** jenis diskaun yang terdapat dalam dokumen 1.

[6 markah]

(iv) Apakah maksud **dua** syarat serahan yang terdapat dalam dokumen 1.

[2 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 3 (a) Maklumat berikut merupakan rakan dagang utama Malaysia.

Amerika Syarikat	Negara ASEAN
Singapura	Negara Kesatuan Eropah
Jepun	Korea

- (i) Huraikan **tiga** faktor yang menyebabkan Malaysia berdagang dengan negara-negara tersebut. [9 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan perniagaan tersebut kepada Malaysia. [6 markah]
- (b) Terangkan **tiga** ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS). [6 markah]
- (c) Terangkan **dua** manfaat yang diperolehi oleh pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) daripada skim pengaturann kontrak khas. [4 markah]
- 4 (a) Encik Khalid telah membeli 2000 unit saham Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada harga RM10.80 seunit. Beliau berharap akan dapat menjual semula saham tersebut apabila harga saham itu naik di pasaran.

Terangkan **empat** faktor yang mempengaruhi kenaikan harga saham yang dibeli oleh Encik Khalid. [8 markah]

- (b) Jelaskan **tiga** perbezaan antara sistem perbankan konvensional dengan sistem perbankan Islam. [6 markah]
- (c) Gambar foto 2 menunjukkan bangunan bagi satu jenis milikan perniagaan.



Gambar foto 2

- (i) Apakah jenis milikan perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** ciri jenis milikan perniagaan (c)(i). [3 markah]

- (d) Situasi berikut berkaitan dengan perkhidmatan pembiayaan oleh pihak bank.

Encik Ashraf ialah seorang pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS), mempunyai RM10,000 di dalam akaun semasanya. Beliau telah dibenarkan oleh pihak bank untuk membuat pengeluaran melebihi baki akaunnya sebanyak RM 5,000. Beliau mengeluarkan cek bernilai RM 12,000 untuk membeli stok perniagaannya.

- (i) Apakah pembiayaan yang telah diperolehi oleh Encik Ashraf? [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** faktor yang dipertimbangkan oleh bank semasa meluluskan pembiayaan tersebut kepada Encik Ashraf. [6 markah]

- 5 (a) (i) Jelaskan konsep takaful. [4 markah]
- (ii) Terangkan dua jenis produk takaful. [4 markah]

gur.

- (b) Rajah 1 merupakan satu risalah yang diedarkan di bandar Georgetown, Pulau Pinang.

Rajah 1

- (i) Apakah jenis promosi yang dilakukan oleh Kedai Kek Seri Ayu? [1 markah]
- (ii) Mengapakah Kedai Kek Seri Ayu memilih jenis promosi tersebut? [6 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 5 (c) Gambar foto 3 menunjukkan suasana dalam gudang BERNAS.



Gambar foto 3

- (i) Namakan jenis gudang tersebut. [1 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri gudang BERNAS. [5 markah]
- (d) Kerajaan berperanan melindungi pengguna untuk mewujudkan alam sekitar yang bersih. Jelaskan. [4 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Encik Walid mempunyai pengalaman luas dalam bidang memproses makanan kerana pernah bekerja sebagai Pegawai Penyelidik Pemakanan di MARDI cawangan Perak. Beliau meletakkan jawatan dan mengeluarkan semua caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM150,000. Berbekalkan pengalaman dan minat yang mendalam dalam bidang penghasilan makanan, beliau telah mendirikan kilang untuk menghasilkan makanan ringan yang berkhasiat dan berbeza rasanya dengan makanan ringan yang sedia ada di pasaran. Beliau mengeluarkan keropok sayuran tropika yang diekstrakkan daripada jering, petai, labu dan cendawan dengan jenama La OPIKA.

Kanak-kanak menyukai keropok sayuran La OPIKA kerana keenakan rasanya. Remaja tertarik kerana jenama yang mudah disebut dan diingati. Ibu-ibu suka kerana khasiat dan kualiti produk mengagumkan. Harga setiap produk berpatutan dan setanding dengan jenama lain. Terdapat pelbagai pilihan rasa dan harga yang berbeza mengikut jenis keropok.

Apabila jumlah permintaan semakin meningkat, Encik Walid mula menghadapi masalah untuk mengagihkan produknya. Sebelum ini beliau bertindak sendiri menghantar bekalannya kepada peruncit. Beliau dinasihatkan agar menggunakan khidmat pemborong supaya produknya boleh diagihkan dengan lebih cekap.

Selain itu, beliau berasa bimbang sekiranya perniagaannya menghadapi risiko kebakaran dan kecurian. Rakan beliau mencadangkan agar Encik Walid membeli polisi insurans untuk melindungi perniagaannya. Oleh itu, beliau tidak perlu bimbang dan boleh menumpukan perhatian untuk meningkatkan kualiti produk, jualan dan prestasi perniagaan.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan ciri-ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Walid. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah strategi pemasaran yang dijalankan oleh Encik Walid mampu meluaskan pasaran? [8 markah]
- (c) Jika anda adalah Encik Walid, adakah anda bersetuju menggunakan khidmat pemborong untuk mengagihkan produknya? [7 markah]
- (d) Terangkan jenis insurans yang perlu diambil oleh perniagaan Encik Walid. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT
Dapatkan skema Jawapan di Laman